

0886

R B288 BAH
MAHATHIR - MIC

I

IPOH, 23 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TIDAK BERHASRAT UNTUK CAMPURTANGAN BAGI MENYELESAIKAN PERBALAHAN ANTARA PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU DAN TIMBALANNYA DATUK S. SUBRAMANIAM.

PERDANA MENTERI BERKATA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU SEHARUSNYA TAHU APA YANG MEREKA LAKUKAN.

+SAYA RASA CAMPURTANGAN SAYA PUN TIDAK MEMBAWA APA-APA KEBAIKAN,+ KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA DI SINI KETIKA DITANYA SAMPA ADA BELIAU AKAN CAMPURTANGAN BAGI MENYELESAIKAN PERBALAHAN ANTARA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU.

HUBUNGAN ANTARA DATUK SERI SAMY VELLU DAN DATUK SUBRAMANIAM MULA DINGIN EKORAN PEMILIHAN PRESIDEN MIC 15 OKT TAHUN LALU APABILA DATUK SERI SAMY VELLU DITENTANG OLEH DATUK SUBRAMANIAM.

PRESIDEN MIC ITU YANG MENGEKALKAN JAWATANNYA MENGELUARKAN KENYATAAN BAHWA BELIAU AKAN MENGUGURKAN DATUK SUBRAMANIAM DAN SEKUTUNYA DATUK K. PATHMANABAN DARIPADA SENARAI CALON PADA PILIHAN RAYAN UMUM AKAN DATANG KERANA MEMPERSOALKAN LANGKAHNYA MENUBUHKAN CAWANGAN-CAWANGAN BARU DI SELURUH NEGARA. -- LAGI

2315MST 23 04 90

D887

R B289 BAH
MAHATHIR - MIC 2 IPOH

SEMALAM, DATUK SERI SAMY VELLU BERKATA MIC WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DATUK SUBRAMANIAM MENJADI Pengerusinya, adalah tidak sah kerana gagal mengadakan mesyuaratnya.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Samy Vellu baru-baru ini bahawa beliau mungkin menimbang untuk membawa MIC keluar dari barisan Nasional (BN) jika parti-parti komponen lain dalam BN mahu supaya pencabar-pencabarnya dikekalkan sebagai calon dan bahawa tanpa MIC, BN akan kehilangan semua kerusinya, Perdana Menteri berkata:

+TANPA UMNO PUN, MIC AKAN TEWAS. KITA BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN.

Datuk Seri Dr Mahathir selaku Pengerusi BN berkata +TIADA KAWASAN PILIHAN RAYA YANG MEMPUYAI MAJORITI MASYARAKAT INDIA. KITA MENYOKONG CALON DARI PARTI ITU KERANA KITA BERPEGANG KEPADA KONSEP PELBAGAI KAUM.+

KETIKA DITANYA SAMA ADA MASALAH DALAM MIC AKAN MENJEJASKAN PENCAPAIAN BN PADA PILIHAN RAYA UMUM, BELIAU BERKATA, +MUNGKIN YA, MUNGKIN TIDAK. KITA TIDAK TAHU, +TUNGGULAH SAHAJA APABILA TIBA PILIHAN RAYA.+ -- LAGI

2318MST 23 04 90

D888

U B290 BAH
MAHATHIR - MIC 3 IPOH

Mengenai sama BN sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata BN sentiasa bersedia menghadapi pilihan raya tetapi +TIADA SEBAB MENGAPA KITA, SEBAGAI KERAJAAN, HARUS MEMENDEKKAN TEMPOH PENGGAL KITA. +

+KITA DIPILIH UNTUK TEMPOH PENGGAL LIMA TAHUN DAN KECUALI ADA SEBAB-SEBAB YANG MUNASABAH, KITA TIDAK AKAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA AWAL, + KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA

2322MST 23 04 90